



اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.  
Tel: 05-4596204 Fax: 05-4595488

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : UPSI/PEND/220//3.1(10)

Tarikh : 22 Julai 1999

Semua Pegawai dan Kakitangan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tuan/Puan,

**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4 TAHUN 1999**

Rawatan Kesihatan Dan Perubatan Doktor Pakar

Saya ingin merujuk kepada perkara di atas di mana sejak akhir-akhir ini pihak pentadbiran telah menerima bil-bil rawatan perubatan pakar di hospital swasta. Di bawah Skim Kemudahan Dan Rawatan Perubatan Kakitangan Universiti, rawatan oleh doktor pakar boleh ditanggung kosnya oleh Universiti dengan syarat rawatan tersebut telah dirujuk secara rasmi oleh doktor daripada Klinik Panel Universiti. Tanpa surat berkenaan Universiti tidak bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa kos rawatan berkenaan.

2. Rujukan ke doktor pakar yang dibenarkan di bawah skim yang ada dihadkan kepada rawatan pakar di hospital-hospital kerajaan, Hospital Universiti Malaya dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.

3. Mulai pekeliling ini dikeluarkan, kakitangan dan tanggungannya yang hendak mendapatkan rawatan doktor pakar diminta mengemukakan salinan surat rujukan yang dikeluarkan oleh doktor Klinik Panel Universiti kepada pihak pentadbiran bagi pengeluaran surat jaminan dan untuk tujuan rekod.

Sekian untuk makluman.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

(SAYUTI BIN SAHLAN)  
Pendaftar

- s.k
1. Naib Canselor
  2. Timbalan Naib Canselor
  3. Bendahari